

Teknologi Jepun rawat air diuji

10/12/2006

Lombong tadahan di Sungai Besi jadi pusat penyelidikan

Oleh Hanisah Selamat

KUALA LUMPUR: Lombong tadahan takungan banjir di Kampung Malaysia Tambahan Sungai Besi, di sini yang dicemari bau busuk berikutan mendapan sisa kotoran menjadi projek percubaan bagi rawatan biologi mikro organisma efektif (EM) yang dijadualkan dimulakan tidak lama lagi.

Kaedah dari Jepun yang pernah digunakan untuk rawatan sungai di Johor dan Perlis itu dijangka dilakukan secara berperingkat bermula pertengahan bulan ini hingga awal tahun depan bagi memastikan keberkesannya.

Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Tan Chai Ho, berkata kira-kira 60,000 bebola tanah daripada mikro-organisma EM serta larutan cecair bahan yang sama digunakan bagi menguraikan sisa kotoran sama ada dalam mendapan atau air lombong terbabit.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata, rawatan menggunakan bakteria semula jadi yang dihasilkan dalam dua kaedah iaitu bebola tanah dan cecair itu bukan saja menjimatkan malah ia lebih semula jadi berbanding penggunaan bahan kimia.

“Diharap EM yang sudah diguna-

kan di negara lain ini dapat menyelesaikan masalah bau busuk daripada kawasan tadahan ini. Kesannya mungkin tidak dapat dilihat serta merta, tetapi mikro organisma itu mampu menguraikan mendapan semula jadi.

“Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melakukan kerja pemantauan selain syarikat penyelenggaraan. Namun, kerjasama semua termasuk masyarakat setempat mampu memastikan usaha ini berjaya,” katanya ketika melawat kawasan lombong selepas sesi taklimat, di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi Per-

satuan Penduduk Malaysia Tambahan, Kamarudin Sakhari serta Jurutera Kanan JPS Bahagian Saliran Bandar, Mohd Nazif Daud.

Sementara itu, Mohd Nazif berkata, kerja pendalaman atau mengorek turut dijalankan pada beberapa bahagian untuk memastikan air lombong tidak melimpah ketika hujan sekali gus mengelakkan banjir kilat.

“Lombong ini pernah didalamkan pada 2002, justeru kali ini hanya beberapa lokasi yang dikenalpasti mempunyai mendapan akan dikorek. Kerja mengorek dan memasukkan bebola tanah serta cecair EM akan dilakukan serentak,” katanya.

Kamarudin pula berharap sampah dibuang di kawasan lain tidak dialirkan ke lombong terbabit kerana jika pihak berkaitan masih mengamalkan sikap sebegini, usaha membersihkan takungan tadahan itu tidak akan berhasil.

“Masalah sampah di lombong kawasan ini bukan disebabkan penduduk setempat tetapi disebabkan aliran air, sisa buangan dari tempat lain dihanyutkan di sini. Penggunaan kaedah rawatan EM dan kesedaran semua pihak dapat memastikan segala-galanya berjalan lancar,” katanya.



DICEMARI SAMPAH: Kawasan lombong tadahan takungan banjir di Kampung Malaysia Tambahan di Sungai Besi masih dicemari sisa bahan buangan.

FAKTA NOMBOR

Rawatan biologi EM

2

Kaedah rawatan guna bakteria semula jadi

60,000

Bebola tanah digunakan bagi menguraikan sisa kotoran